



Ruj Kami : BTPN(JOH) 8873/1/4 ()
Tarikh : 03 Julai 2018

Pengetua / Guru Besar
Sekolah-sekolah Negeri Johor

Tuan,

MAKLUMAN PENARAFAN PEMBESTARIAN SEKOLAH MENGGUNAKAN SMART SCHOOL QUALIFICATION STANDARD (SSQS) TAHUN 2018

Dengan segala hormatnya pekara di atas di rujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan menjalankan pelaksanaan dan pemantauan penarafan pembestarian sekolah yang dilaksanakan secara atas talian mulai 16 Julai hingga 30 Ogos 2018 seperti surat nombor rujukan KPM600 – 11 / 1 / 4 Jld. 2 (35) bertarikh 21 Mei 2018.

3. Sehubungan dengan itu, semua sekolah di negeri Johor diminta memulakan proses penarafan secara atas talian ini pada pautan berikut :

<http://best.moe.edu.my/ssqs/johor/>

4. Bagi membantu proses pelaksanaan ini, pihak BTP Negeri Johor dan Pusat Kegiatan Guru (PKG) yang berhampiran akan bersedia membantu di samping panduan SSQS turut disediakan di pautan tersebut. Pihak sekolah diminta memohon bantuan Guru Penyelaras Bestari / Guru Penyelaras ICT selaku *admin* di peringkat sekolah.

5. Selain itu, pihak tuan diminta mendapatkan senarai token untuk semua responden bagi melaksanakan proses penarafan. Senarai token tersebut boleh diperolehi melalui log masuk Admin pada pilihan menu Sekolah menggunakan kata laluan kod sekolah masing-masing.

6. Sebarang pertanyaan, sila hubungi *En. Abu Bakar bin Baharom, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor* di talian 010-4541295

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

HAJI SHAHARUDIN BIN SHARIF
Pengarah Pendidikan Negeri Johor
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

s.k.

- 1) Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor
- 2) Fail Timbul